

## **PENYERTAAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA DI JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA NEGERI MELAKA, MITC MELAKA**

17 Oktober 2022, MELAKA - Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Melaka telah berlangsung daripada 14-16 Oktober 2022 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka. Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka bersama-sama Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dan Jabatan Metereologi Malaysia telah mengambil bahagian mengadakan pameran di reruai Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Diantara aktiviti yang telah dijalankan adalah pendaftaran keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) dan kuiz kesedaran alam sekitar. Seramai 410 orang pengunjung telah didaftarkan sebagai ahli RAS. Semoga dengan penganjuran program seumpama ini dapat memupuk pelbagai lapisan masyarakat khususnya generasi muda dan belia untuk melestarikan alam sekitar.

**#JabatanAlamSekitar**

**#JasMelaka**

**#AlamSekitarTanggungjawabBersama**

**#KementerianAlamSekitarDanAir**